



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 28 November 2016

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 28/2016

PEMATUHAN ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seseorang pegawai adalah diingatkan supaya menjaga penampilan diri semasa bertugas dengan berpakaian selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Cara berpakaian melambangkan keperibadian pegawai serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada pegawai.
3. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) Perkara 5(i) memperuntukkan: (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga.
 - (ii) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri suatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara tersebut dan jika etika pakaian untuk upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara tersebut.
4. Dengan ini pagawai hendaklah sentiasa mematuhi etika berpakaian yang diterimakan oleh Lembaga Getah Malaysia. Berikut adalah pekeliling-pekeliling dan panduan berhubung etika berpakaian bagi pegawai untuk rujukan tuan/puan.
 1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam);

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi);
3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis);
4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 tahun 2013. (Pemakaian Two/Three – Piece Pant Suit Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja);
5. Kenyataan UPSM Bil. 4 Tahun 2008 - Pemakaian batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada hari Khamis;
6. Kenyataan UPSM Bil. 22 Tahun 2010 – Etika Pakaian Waktu Pejabat
7. Kenyataan UPSM Bil 4. Tahun 2014 - Pemakaian Two/Three-piece pant suit bagi pegawai awam wanita semasa bekerja
8. Contoh Etiket Pakaian Pegawai.

Sekian dilmaklumkan. terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k.: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-Pengarah Bahagian

	PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
1	Seluar panjang serta baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher. (Kemeja hendaklah dimasukkan kedalam (tuck in)	Pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan dipakai selari dengan amalan akhlak yang mulia
2	Pakaian baju melayu yang lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap.	Baju kurung. Baju kebaya labuh dan longgar.
3	Baju kemeja berlengan panjang dan :- a) berkolar Baju Melayu cekak musang berbutang tiga. b) berkolar Baju Melayu cekak musang berbutang lima. c) berkolar nehru berbutang berselindung. d) berkolar mandarin berbutang tiga. e) berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat.	Lounge Suit (meliputi skirt labuh, skirt pendek dan 2-piece atau 3-piece pant suit) - Warna, corak dan bahan yang sama; - Potongan jaket berkolar atau tidak berkolar - Jaket berlengan panjang dan labuh menutupi pinggul; - Jaket berbutang atau berzip di hadapan; - Seluar panjang polos yang tidak ketat dan menjolok mata; - Skirt pendek hendaklah melebihi paras lutut; - Berwarna gelap bersesuaian dengan imej korporat.
4	Nehru suit yang diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai:- a) berbutang hadapan. b) berbutang terselindung.	Pakaian kebangsaan mengikut kaum. Kemeja berlengan panjang dan berskirt labuh.
5	Wajib memakai Baju Kemeja Batik Berlengan Panjang (Buatan Malaysia) setiap Khamis	Wajib memakai Baju Batik (Buatan Malaysia) setiap Khamis
6	Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya	Kasut bertutup
7	Rambut mestilah dipotong pendek dan tidak melebihi kolar kemeja	Mengenakan perhiasan atau aksesori yang ringkas dan bersesuaian sahaja.
8	Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi mereka yang dibekalkan dengannya	Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi mereka yang dibekalkan dengannya
9	Jeans, seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menjolok mata tidak boleh dipakai semasa bekerja	Jeans, seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menjolok mata dan yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja
10.	Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja	Selipar dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.

ETIKA PAKAIAN PENJAWAT AWAM




<http://fuziahmahadi.blogspot.com/>


Two Piece Suit Pants



Three Piece Suit Pants



<http://fuziahmahadi.blogspot.com/>



Side Part

The side-part hairstyle is right your style since you already had a side-part, or right? It is very professional and elegant hairstyle that becomes a result of hard pull-back every second off hair and your head. This is a great hairstyle for both men and women.



**TIDAK
DIBENARKAN**